



العربية للإستشارة والنشر
ARABIC LANGUAGE
AND CONSULTANCY

Intensif ARABMikro
Extra

الدورة المكثفة في اللغة العربية

(دراسة تطبيقية في المهارات اللغوية)

KURSUS INTENSIF KEMAHIRAN BAHASA

84 jam / 12 hari

TEORI – KEMAHIRAN – PEROLEHAN - SEMAKAN

 **ARABMikro**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

المقدمة

Pengenalan

KONSEP: INTENSIF BAHASA ARAB EXTRA (IBAEX) adalah suatu program persediaan yang dirangka khusus untuk para pelajar yang ingin menguasai KEMAHIRAN MEMBACA & MENTERJEMAH teks sukatan SPM, serta MENULIS dalam BA. Ia akan membantu pelajar untuk menguasai **aras kemahiran bahasa Arab yang diperlukan** untuk proses pembelajaran PERINGKAT MENENGAH TINGGI dalam tempoh 84jam/12 hari sahaja (7 jam/hari x 3 hari/minggu x 4 minggu).

SASARAN: Ia dibangunkan untuk:-

- 1- Lulusan Tahfiz dan IPT
- 2- Lulusan SPM/STAM
- 3- Pelajar Pondok dan orang awam yang berminat

SLOT PENGAJIAN: IBAEX akan dijalankan melalui slot berikut :-

8.00-9.00	9.00-10.00	10.30-11.30	11.30-12.30	2.30-3.30	3.30-4.30	5.30-6.30
Teori	Kuiz 1	Kemahiran	Kuiz 2	Perolehan	Kuiz 3	Semakan

Kursus ini diadakan MENGIKUT PERMINTAAN GORUP mengikut masa yang ditetapkan.

MODUS: IBAEX akan dijalankan secara ON-LINE sepenuh masa berpusat Pejabat Urusan ARAB MIKRO, PT 713, Bandar Baru Tunjung, Kota Bharu, Kelantan. Kursus hanya dihadkan kepada 10-15 orang peserta sahaja/kelas. Kursus dipecahkan kepada empat sesi modul berikut;-

- SISTEM BAHASA ARAB + I`RAAB = 12 jam.
 - KEMAHIRAN MEMBACA + MENTERJEMAH BA-BM = 12 jam.
 - KEMAHIRAN MENULIS BM-BA (PEROLEHAN) = 12 jam.
 - KUIZ (APLIKASI) = 36 jam.
 - SEMAKAN (PEMBETULAN) = 12 jam
- Jumlah jam = 84 jam

CAPAIAN: IBAEX akan memastikan setiap peserta boleh:-

- Menguasai sistem bahasa Arab untuk SPM dengan baik.
- Membaca dan menterjemah teks Bahasa Arab Tanpa Tanda Baris.
- Menulis ayat bahasa Arab dengan fasih dan betul.

PERMOHONAN: Mana-mana INDIVIDU atau INSTITUSI yang berminat untuk menyertai atau menaja program ini dipersilakan menghubungi Arab Mikro untuk perbincangan lanjut melalui alamat berikut;-

Pejabat Urusan Bahasa Arab Mikro (KT 0126832-V)
PT 713, Jalan Kota Jelasin /41, Bandar Baru Tunjung, 15100 Kota Bharu Kelantan
H/P : 014-838 4040 e-mail : guruarabmikro1@gmail.com

تاريخ البرنامج

SEJARAH

Idea untuk memperkenalkan BAHASA ARAB MIKRO sebagai pendekatan baru pembelajaran bahasa Arab di Malaysia bermula pada tahun 1999 sesudah dua tahun penubuhan ALC Arabic Language & Consultancy (العربية للاستشارة والنشر) pada 23 JUN 1996. Ia bertitik tolak daripada hasil penyelidikan peringkat Sarjana Pengajian Bahasa Moden pada tahun 1995. Pada tahun 2005 pula, kajian lanjut di peringkat Doktor Falsafah telah berjaya disempurnakan. Kedua-dua kajian tersebut telah menemui satu arah baru yang bersifat mikro dalam Pengajian Bahasa Arab di Malaysia. Pada tahun 2006, Pengajian bahasa Arab Mikro (al-Quran) telah mula diperkenalkan. Hingga kini, 25 modul system BA telah siap dibukukan sepenuhnya. Pada tahun 2022, Arab Mikro telah memulakan kursus Pengajian Bahasa Wahyu.

BENKEL BAHASA ARAB MIKRO 2005



BENKEL METODOLOGI P&P POLITEKNIK MALAYSIA OKTOBER 2008



TAKLIMAT PENGAJIAN BAHASA ARAB MIKRO OKTOBER 2008



TAKLIMAT PENGAJIAN BAHASA ARAB MIKRO OKTOBER 2009



BAHASA ARAB MIKRO DI SEMINAR ANTARABANGSA JULAI 2010



SEMINAR BAHASA WAHYU JULAI 2022



الفلسفة

FALSAFAH

اللُّغَةُ الْعَرَبِيَّةُ الْوُضَيْفِيَّةُ وَسِيطَةُ التَّفْكِيرِ الْإِسْلَامِيِّ

BAHASA ARAB MIKRO WADAH PEMIKIRAN ISLAM

Ia akan berfungsi sebagai medium yang jelas untuk memandu umat Islam berfikir dengan cara yang betul dalam mencari penemuan Islam yang tepat dengan fitrah dan prinsip-prinsip agama Islam yang di bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

الهدف

MATLAMAT

تَنْوِيرُ التَّفْكِيرِ الْإِسْلَامِيِّ بِالْأَدِلَّةِ الْقُرْآنِيَّةِ وَالسُّنَّةِ النَّبَوِيَّةِ

PENCERAHAN PEMIKIRAN ISLAM DENGAN DALIL AL-QURAN DAN SUNNAH

Program ini bertujuan membantu setiap peserta memahami system Bahasa Arab dan menghayati mesej yang ingin disampaikan dengan tepat dalam menilai maksud sesuatu teks atau wacana yang dikaji.

حصائل البرنامج

HASIL KURSUS

Para peserta akan dipastikan memahami dan menguasai perkara-perkara berikut sebelum diperakui lulus melalui ujian system peperiksaan terbuka yang dijalankan;-

1. Enam (6) jadual asas Ganti Nama BAM.
2. Lima puluh (50) Acuan Kata Utama BAM.
3. Tiga (3) rumus utama pembentukan Ayat 10 BA.
4. Dua puluh (20) bentuk Pengembang Ayat BA.
5. Sepuluh (10) ciri asas Hukum Kombinasi dalam ayat BA.
6. Sistem l`rab.
7. Rangkaian kata Bahasa Arab.
8. Ragam Ayat Bahasa Arab.
9. Olahan Ayat Namaan Bahasa Arab.


Kelima-lima dapatan tersebut akan diterap aplikasinya melalui ayat-ayat al-Quran yang telah dipilih bersesuaian dengan sesuatu tajuk yang dipelajari.

منهج البرنامج

PENDEKATAN PROGRAM

Kursus ini telah disusun secara sistematik berasaskan pendekatan BAHASA ARAB MIKRO seperti berikut :-

- **BAHASA ARAB MIKRO** ialah suatu pendekatan baru yang berkesan dalam proses pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab.
- Ia telah disusun dan diolah secara sistematik berdasarkan **sistem bahasa dan konteks alam pemikiran Melayu di Asia Tenggara**.
- Ia telah diuji dan terbukti berkesan melalui dua kajian besar di peringkat **MA (1995)** dan **Ph.D (2005)** di Universiti Malaya.
- ALC kini dalam proses mengembangkan konsep mudah ini ke seluruh Asia Tenggara.



BAHASA ARAB MIKRO ialah suatu pendekatan baru yang memberi penekanan kepada **penguasaan SISTEM BAHASA** berasaskan **aplikasi FUNGSI MAKNA** dan kaitannya dengan **BENTUK KATA** sesuatu lafaz atau kata yang diguna dalam perbualan atau penulisan. Ia telah diolah semula dari sudut morfologi (binaan kata) dan sintaksis (struktur ayat) kepada suatu **pendekatan yang lebih hampir dengan budaya dan alam pemikiran Melayu**. Oleh itu, pelajar yang mengikuti kaedah pengajian Bahasa Arab Mikro akan lebih memahami dan hampir dengan bahasa Arab dan al-Quran.

أهداف الدورة

MATLAMAT PENGAJIAN

Objektif-objektif utama KIKBAEX ialah :-

- *Memperkenalkan kaedah MUDAH, CEPAT dan BERKESAN dalam menguasai 4 kemahiran asas berbahasa Arab.*
- *Menguasai bahasa Arab berdasarkan fungsi BAHASA dan MAKNA dalam tempoh yang pantas.*
- *Membangkitkan minat masyarakat untuk kembali menghayati dan mengamalkan al-Quran dalam kehidupan.*

الخصص والمواد

SESI MODUL

Sesi modul Kemahiran BA untuk kursus ini adalah seperti berikut :-

- **Kemahiran 1 : MENDENGAR + BERTUTUR**

DISKRIPSI :

Modul ini memperkenalkan aspek-aspek kombinasi yang perlu diambil kira dalam PROSES BERTUTUR. Ia berpaksikan kepada 6 jadual Ganti Nama (Tasreef 14) yang menjadi tunjang kepada segala bentuk perubahan kata dalam sesuatu ayat. Aspek **Bilangan** (*Mufrad, Dua dan Jamak*), **Jantina** (*Lelaki dan Perempuan*), **Ketentuan** (*Am dan Khas*) dan **Posisi Diri** (*Pertama, Kedua dan Ketiga*) adalah unsur-unsur asas yang akan di tekankan.

Peserta juga akan didedahkan dengan kaedah berfikir yang cepat dan berkesan dalam memahami sesuatu ayat secara tepat. Teori PERKAITAN MAKNA dan rumus AYAT 10 merupakan teras utama kepada pengajian modul ini. Konteks AYAT KERJAAN dan AYAT NAMAAN akan diberi penekanan secara terperinci di samping beberapa PELENGKAP AYAT yang popular.

CAPAIAN :

- Di akhir pengajian, pelajar akan mampu menguasai perkara-perkara berikut;-
- 1500 kosa kata asas untuk perbualan (untuk konteks-konteks utama)
 - 120 frasa idiom perbualan bahasa Arab.
 - Asas Tatabahasa Arab yang teratur (sistem berfikir dalam BA).
 - Teknik ujaran bunyi (sebutan) Bahasa Arab Standard

• **Kemahiran 2 : MENDENGAR + MEMBACA**

DISKRIPSI :

Modul ini disusun khusus untuk melatih dan memandu pelajar MENDENGAR & MEMBACA teks bahasa Arab dengan betul -(dari sudut sebutan dan aplikasi sistem kasus dalam struktur ayat)- dan dapat memahami isi kandungan secara tepat.

Kursus ini dikendalikan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut;-

- **FONETIK** ; Sebutan bunyi-bunyi bahasa Arab yang betul dan fasih SERTA Perubahan atau penukaran sesuatu bunyi asal kepada bunyi baru yang lebih fasih.
- **FONOLOGI** ; Bentuk-bentuk perubahan lambang atau sistem ejaan sesuatu bunyi dalam perkataan.
- **MORFOLOGI** ; Perubahan-perubahan morfologi asas (yang berkait dengan Ganti Nama Diri) yang sering berlaku dalam bahasa Arab.
- **SINTAKS** ; Kerangka Asas Bahasa Arab Mikro DAN Modus Operandi Tatabahasa Arab Mikro.

CAPAIAN :

Di akhir pengajian, pelajar akan menguasai kemahiran-kemahiran berikut;-

- Mengasah dan menajamkan dan melancarkan kemahiran MENDENGAR & MEMBACA melalui teks audio yang dipelajari.
- Mengenal dan menguasai bentuk dan golongan kata setiap perkataan.
- Memahami SISTEM BERFIKIR dalam memahami teks Arab.
- Membaca teks Arab tanpa tanda baris. (sistem kasus)

• **Kemahiran 3 : APLIKASI KEMAHIRAN BAHASA**

DISKRIPSI :

modul yang memperkenalkan rumus-rumus asas bahasa Arab seperti yang telah dijelaskan dalam konsep BAM sebelum ini. Ia menyentuh perkara-perkara berikut;-

- Kerangka Bahasa Arab Mikro (BAM) dan ciri-ciri struktural setiap golongan kata BAM.
- Teori Perkaitan Makna dalam sesuatu ayat dan Struktur Ayat BAM.
- Ayat 10 BAM (Sistem Ayat BAM) dan Neracanya
- Kumpulan Partikel Utama BAM.

CAPAIAN :

Di akhir pengajian, pelajar akan dapat melakukan analisis yang betul terhadap wacana sesuatu teks yang ingin ditulis (diterjemah) ke dalam bahasa Arab.

الجدول الدراسي

Kandungan Jadual Pengajian

5.30-6.30 Semakan	2.30 – 3.30 Penulisan	10.30 – 11.30 tg Perolehan	9.00 - 10.00 pg Asas Kemahiran	8.00 - 9.00 pg Sistem Bahasa	الزمن اليوم
تدريبات				الجدول الصرفي والأوزان GN+ Kata Kerja & WAZAN Bahasa Arab	1. الأحد
	أنا طالب	التعارف	المبتدأ + صفة/اسم		2. الاثنين
	الإنسان	المحادثة	المبتدأ + فعل		3. الثلاثاء
	العلم والعمل	نشاطات يومية	المبتدأ + غير الفعل		4. الأربعاء
					5. الخميس
المراجعة					6. الجمعة
الاختبارات / UJIAN					7. السبت
تدريبات				الجمال العشر 10 Sistem Ayat Bahasa Arab	8. الأحد
	في المكتبة	الزمن	الرمز الأول		9. الاثنين
	تساؤلات	الأسرة والبيت	الرمز الثاني		10. الثلاثاء
	العلم	نصائح وإرشادات	الرمز الثالث		11. الأربعاء
					12. الخميس
المراجعة					13. الجمعة
الاختبارات / UJIAN					14. السبت
تدريبات				أساس الإعراب والمكملات Asas l`raab Bahasa Arab & Pengembang Ayat B. Arab	15. الأحد
	الكتاب	التاريخ	الأوزان الخمسون		16. الاثنين
	ماليزيا	واجبات الدورة	المكملات		17. الثلاثاء
	اللغة العربية في ماليزيا	إلى المدينة	الفضلات		18. الأربعاء
					19. الخميس
المراجعة					20. الجمعة
الاختبارات / UJIAN					21. السبت
تدريبات				الأدوات Sendi Kata Bahasa Arab	22. الأحد
	المجتمع الماليزي	الرياضة	أدوات النفي		23. الاثنين
	المواصلات العامة	عندي ألم	أل المعرفة		24. الثلاثاء
	المراجعة	المهن والجنسيات	حروف الجر		25. الأربعاء
					26. الخميس
المراجعة					27.
الاختبارات / UJIAN					28.

رسوم الدورة

YURAN KURSUS

YURAN PENYERTAAN/PELAJAR

PERKARA	YURAN (RM)
Pendaftaran, Peperiksaan Mingguan, Laporan Pengajian & Pensijilan	500.00
Yuran Kursus RM11.90 / jam x 84 jam pengajian	1000.00
<hr/>	
JUMLAH	1500.00

الختام

PENUTUP

Sesungguhnya kami pihak Arab Mikro benar-benar berharap agar segala perancangan ini mendapat sokongan padu daripada semua pihak. Kami doakan agar semua peserta akan mendapat faedah. Semoga program ini berjalan dengan lancar dan sempurna.

Sekian terima kasih.

DISEDIAKAN OLEH:



[DR. MOHD ROSDI BIN ISMAIL]

Pengurus
Arab Mikro Centre

KERTAS DASAR
KURSUS INTENSIF BAHASA ARAB EKSTRA

Syarat-Syarat & Terma Kursus Intensif Bahasa Arab Extra

Adalah dengan ini, saya _____, K/P no. : _____, bersetuju untuk mendaftar sebagai peserta program Pengajian Bahasa Arab Mikro, modul BAM _____ sesi _____ di Arabic Language & Consultancy (ALC) dengan mematuhi perkara-perkara berikut :-

YURAN	<ol style="list-style-type: none">1. Menjelaskan YURAN PEMROSESAN, dan MODUL sebanyak RM500.00 pada hari pendaftaran.2. Menjelaskan YURAN PENGAJIAN sebanyak RM1500.00/84 jam pengajaran3. Pelajar yang telah membuat pendaftaran WAJIB MENJELASKAN Yuran Pengajian walaupun tidak menghadiri mana-mana kelas pengajian.
PENGAJIAN	<ol style="list-style-type: none">1. Menghadiri kelas pengajian sekurang-kurangnya 80% daripada tempoh pengajian.2. Status pengajian dianggap aktif sehingga ada penamatan /penangguhan rasmi secara lisan atau bertulis.3. Peserta akan dihubungi melalui telefon setelah tidak menghadiri kelas selama 2 kali berturut-turut. Panggilan ke-2 akan dibuat jika peserta masih tidak menghadiri pengajian pada kali ketiga4. Jika terus tidak menghadiri pengajian tanpa memaklumkan sebab-sebab tertentu, peserta akan diberikan notis penamatan kursus (selepas panggilan ke-2) dan pengajian akan ditamatkan selepas 4 kali tidak hadir secara berturut-turut5. Pelajar boleh menangguhkan pengajian setelah menjelaskan yuran pengajian kursus berkenaan.
CUTI	<ol style="list-style-type: none">1. Jika ingin bercuti, peserta hendaklah memaklumkan secara lisan atau bertulis kepada ALC sekurang-kurangnya seminggu sebelum tarikh mula cuti.2. Pihak ALC berhak menangguhkan sesi pengajian tidak lebih dari 2 kali kelas pengajian (4 jam)3. Pihak ALC juga berhak untuk mengganti mana-mana sesi pengajian pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai.
PEPERIKSAAN	<ol style="list-style-type: none">1. Menjelaskan yuran peperiksaan untuk setiap kertas yang diambil (lihat senarai) sebelum menduduki peperiksaan.2. Pihak ALC menerima pakai gred pemarkahan Universiti al-Azhar dalam mana-mana peperiksaan.3. Pihak ALC berhak meminda tarikh peperiksaan yang ditetapkan ke tarikh lain yang lebih sesuai mengikut keadaan.

T.Tangan: _____

Tarikh: _____

